

**Membeli Belah Di Kampung
1959
Cat minyak atas kanvas
89.5 x 76.57**

Mohamed Salehuddin dilahirkan pada 10 Januari 1914 di Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor. Beliau mempunyai kelulusan Senior Cambridge pada tahun 1934 dari Victoria Institution, Kuala Lumpur. Mohamed Salehuddin dikenali sebagai pelukis yang menghasilkan karya 'Membeli Belah di Kampung' yang dihasilkan pada tahun 1959 menggunakan cat minyak atas kanvas yang merupakan Koleksi Balai Seni Negara melalui pembelian pada tahun 1959.

Namun penglibatan awal karier beliau bermula sebagai seorang penulis dan wartawan sebelum beliau mula menghasilkan karya lukisan untuk jualan. Beliau menggunakan nama Mohamed Salehuddin ketika menghasilkan novel Seteru Dunia. Nama sebenar beliau adalah Ismail bin Abdul Jalal dan apabila kad pengenalan diperkenalkan pada 1950 di Singapura, beliau memasukkan nama Mohamed Salehuddin sebagai nama beliau dan kekal dengan penggunaan nama tersebut.

Mohamed Salehuddin pernah menjadi Ketua Pengarang bagi Majlis, Berita Malai , Seruan Rakyat, Pengarang Utusan Melayu di Singapura, Ketua Pengarang Utusan Kanak-Kanak dan Ketua Pengarang Utusan Pemuda yang berada di Kuala Lumpur. Malah beliau turut bertugas menjadi penyunting dan penterjemah di Franklin Book Program, Pensyarah di Institut Kewartawanan Malaysia serta menjadi tenaga pengajar Bahasa Malaysia kepada wartawan-wartawan bukan Melayu di Bernama. Dalam kesibukan sebagai seorang pengarang beliau turut menghasilkan pelbagai jenis komik untuk kanak-kanak. Gaya lukisan Mohamed Salehuddin dalam karya Membeli Belah di Kampung dipengaruhi oleh ciri-ciri komik atau ilustrasi kerana Mohamed Salehuddin aktif dalam menghasilkan lukisan komik untuk akhbar dan majalah. Antara lukisan komiknya yang terkenal ialah Pak Long dan Pak Ngah dalam Utusan Zaman dan Si Kumbang dan Atan dengan Pak Mustafa dalam Utusan Kanak-kanak.

Minat beliau dalam bidang lukisan bermula sejak dari bangku sekolah dan menurut keluarga terdekat beliau, Mohamad Salehuddin hanya melukis menggunakan pen, cat minyak serta menghasilkan karya berbentuk potret, landskap, kaligrafi dan peristiwa

semasa. Membeli Belah di Kampung mempunyai daya tarikan yang dipenuhi kualiti yang bersahaja dan kesederhanaan dalam menggambarkan suasana sehari-hari dengan memaparkan kepelbagaian kaum di kampung. Karya ini menggambarkan peristiwa harian masyarakat pada zaman selepas kemerdekaan dan menyentuh aspek ekonomi dan sosial masyarakat di Kampung Puah, Sentul Kuala Lumpur dimana merupakan kampung tempat Mohamed Salehuddin dan keluarga menetap.

Dalam karya ini, Mohamed Salehuddin mengupas isu keadaan ekonomi masyarakat menerusi monopoli perniagaan, karakter sosial masyarakat mengikut kaum yang jelas kelihatan melalui cara dan gaya pemakaian mereka serta peristiwa semasa yang sedang berlaku pada ketika itu berdasarkan kepada surat khabar yang berada atas penimbang. Malah taraf ekonomi masyarakat juga dapat dinilai dengan kemampuan memiliki kenderaan pada zaman tersebut. Karya ini dihasilkan mengikut aliran realism. Malah penggunaan aspek ruang dalam karya ini jelas menunjukkan pembahagian perspektif hadapan, tengah dan belakang serta penggunaan warna panas dihadapan dan warna sejuk di belakang untuk mencipta kedalaman karya serta menggambarkan suasana kampung yang sedang melalui proses modenisasi secara terperinci. Ketelitian dalam penghasilan karya Membeli Belah di Kampung dapat dirumuskan dari latar belakang Mohamed Salehuddin sebagai seorang pengarang yang muhnyampaikan sesuatu maklumat secara menyeluruh dan tepat kepada orang ramai.